
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HKA 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA daripada A, dan DUA dari bahagian B.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Bincangkan secara kritis unsur-unsur keindahan dan nilai masyarakat bagi kedua-dua buah pantun berikut:

Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tiada berbudi.

Kalau roboh kota Melaka,
Papan di Jawa saya dirikan;
Kalau sungguh bagai dikata,
Badan dan nyawa saya serahkan.

(*Sekalung Budi, Seuntai Bahasa*, hlm. 23 dan 85)

2. Bincangkan petikan di bawah dalam konteks peranan teks sebagai sebuah karya adab bagi raja-raja Melayu.

Maka dilihat oleh orang dalam jong itu sebuah perahu itu, maka tatkala hampirlah perahu itu kepada segala jong itu, maka segala orang dalam jong itu pun bertanya, katanya, "Apa nama negeri ini?" Maka sahut orang mengail itu, "Adapun nama negeri ini Pasai." Maka kata orang dalam jong itu, "Apa ada khabar dalam negeri ini?" Maka sahut orang mengail itu, "Adapun khabar dalam negeri ini badak makan anaknya."

(*Hikayat Raja Pasai*, hlm. 63)

3. Keistimewaan *Syair Sinyor Kosta* berpusat kepada gambaran realiti kehidupan masyarakat kosmopolitan di Melaka abad ke-19. Sejauhmanakah benarnya pernyataan ini?
4. Konflik merupakan unsur penting dalam menentukan keberkesanan plot sebuah novel. Bincangkan pernyataan ini SAMA ADA berasaskan novel *Iman Markisa* ATAU *Kongkeak*.

BAHAGIAN B

5. Berikan pandangan kritis anda terhadap kenyataan M. K. Danziger yang berpendapat "segala-galanya adalah kesusasteraan."

...3/-

102001

102001

6. Pilih **salah sebuah** cerpen berikut:

- [a] "Sumarni" karya Suriati Ghazali
- [b] "Tentang Dia" karya Melly Goeslaw
- [c] "Menanti Suria Pagi" karya Zurinah Hassan

Berdasarkan cerpen pilihan anda, nilaikan kekuatan pengarang mengolah peranan watak-watak dalam cerpen tersebut sehingga berjaya mempengaruhi emosi khalayak.

7. Pilih **dua** buah puisi yang dilampirkan:

- [a] "Sungai Mekong" karya Latif Mohidin.
- [b] "Wajah Kota yang Kumal" karya Baha Zain.
- [c] "Melayu" karya Usman Awang.
- [d] "Kekasih" karya Usman Awang.

Dengan memfokuskan kepada unsur imej, jelaskan isu-isu penting yang ingin disampaikan oleh penyair.

8. Bincangkan sejauhmanakah aspek latar memainkan peranan penting dalam memahami persoalan-persoalan yang ingin diketengahkan pengarang menerusi drama *Robohnya Kota Lukut* karya Kala Dewata ATAU *Ku, Kan Pergi Jua* karya Siti Zaleha M. Hashim?

...Lampiran/-
...4/-

Lampiran

A. Sajak "Sungai Mekong" oleh Latiff Mohidin

sungai mekong

1
sungai mekong
kupilih namamu
kerana aku begitu sepi
kan kubenamkan dadaku
ke dasarmu
kakikananku ke bulan
kakikiriku ke matari
kan kuhanyutkan hatiku
ke kalimu
namaku ke muara
suaraku ke gunung

2
sungai mekong
nafasmu begitu tenang
lenggangmu begitu lapang
di tebingmu
ada ibu bersuara sayu
mencari suara puteranya yang hilang
waktu ia merebahkan wajahnya
ke wajahmu
kau masih bisa senyum senang

3
sungai mekong
akhirilah tarisiang riakmu
kulihat di dasarmu
kuntum-kuntum berdarah
batu-batu luka
malam ini
ribut dari utara akan tiba
tebingmu akan pecah
airmu akan merah
dan arusmu akan lebih keras
dari niagara

vientiane
1 feb 66

...Lampiran/-
...5/-

Lampiran

B. Sajak “Wajah Kota yang Kumal” oleh Baharudin Zainal

kami duduk memerhatikan
pohon-pohon berhenti melebat
daun-daun bertukar warna
kuning merah musim gugur
bukan sekadar pertukaran
alih rasa yang jemu
manusia yang penat
ditimpa renyai-renyai jelaga
kira-kira bank yang susut
inflasi yang menggila
dan minyak jadi senjata

cuaca pun beralih gelap
udara makin mendingin
membekukan keangkuhan
wajah tokyo yang kumal

...Lampiran/-
...6/-

Lampiran

C. "Sajak "Melayu" oleh Usman Awang

Melayu

Melayu itu orang yang bijaksana
Nakalnya bersulam jenaka
Budi bahasanya tidak terkira
Kurang ajarnya tetap santun
Jika menipu pun masih bersopan
Bila mengampu bijak beralas tangan.

Melayu itu berani jika bersalah
Kecut takut kerana benar,
Janji simpan di perut
Selalu pecah di mulut,
Biar mati adat
Jangan mati anak.

Melayu di tanah Semenanjung luas maknanya:
Jawa itu Melayu, Bugis itu Melayu
Banjar juga disebut Melayu, Minangkabau memang
Melayu,
Keturunan Acheh adalah Melayu,
Jakun dan Sakai asli Melayu
Arab dan Pakistani, semua Melayu
Mamak dan Malbari serap ke Melayu
Malah muaalaf bertakrif Melayu
(Setelah disunat anunya itu).
Dalam sejarahnya
Melayu itu pengembara lautan
Melorongkan jalur sejarah zaman
Begitu luas daerah sempadan
Sayangnya kini segala kehilangan.

Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulamkan daya
Gedung akal laut bicara.

Malangnya Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya
Sedangkan kampung telah tergadai
Sawah sejalur tinggal sejengkal
Tanah sebidang mudah terjual.

...Lampiran/-
...7/-

Lampiran

Meski telah memiliki telaga
Tangan masih memegang tali
Sedang orang mencapai timba.
Berbuahlah pisang tiga kali
Melayu itu masih bermimpi
Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri.

Berkelahi cara Melayu
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum,
Merendah bukan menyembah
Meninggi bukan melonjak.

Musuh dicari ke lubang cacing,
Tak dapat tanduk telinga dijingjing,
Maruah dan agama dihina jangan
Hebat amuknya tak kenal lawan.

Berdamai cara Melayu indah sekali
Silaturahim hati yang murni
Maaf diungkap senantiasa bersahut
Tangan dihulur sentiasa bersambut
Luka pun tidak lagi berparut.

Baiknya hati Melayu itu tak terbandingkan
Segala yang ada sanggup diberikan
Sehingga tercipta sebuah kiasan:
"Dagang lalu nasi ditanakkan
Suami pulang lapar tak makan
Kera di hutan disu-susukan
Anak di pangkuan mati kebuluran".

Bagaimanakah Melayu abad dua puluh satu,
Masihkah tunduk tersipu-sipu?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang menghalang kemajuan;
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin kepada kebenaran;
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan.

Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memikir ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan di negara Merdeka.

...Lampiran/-
...8/-

Lampiran

D. Sajak “Kekasih” oleh Usman Awang

KEKASIH

AKAN kupintal buih-buih
menjadi tali
mengikatmu

akan kuanyam gelombang-gelombang
menjadi hamparan
ranjang tidumu

akan kutekun awan-gemawan
menjadi selendang
menudungi rambutmu

akan kujahit bayu gunung
menjadi baju
pakaian malammu

akan kupetik bintang timur
menjadi kerongsang
menyinari dadamu

akan kujolok bulan gerhana
menjadi lampu
menyuluh rindu

akan kurebahkan matari
menjadi laut malammu
menghirup sakar madumu

Kekasih, hitunglah mimpi
yang membunuh realiti
dengan syurga ilusi.

1971.